

NO. SOALAN : 48

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** DATO' SRI DOUGLAS UGGAH EMBAS

**TARIKH :** 9 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

**SOALAN :** 48

**Dato' Sri Douglas Uggah Embas [Betong]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah perolehan kapal *New Generation Patrol Craft* (NGPC) dan *Offshore Petrol Vessel* (OPV) akan ditempatkan di Wilayah Maritim Sarawak. Adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk membeli *Landing Ship* untuk Sarawak.

**JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, 2 daripada 6 buah kapal baru kelas *New Generation Patrol Craft* (NGPC) (45 meter) milik *Malaysia Coast Guard* telahpun diperolehi dan memulakan operasi. Kapal pertama iaitu KM BAGAN DATUK ditempatkan di Daerah Maritim Pelabuhan Klang pada 31 Julai 2017 manakala kapal kedua iaitu KM SRI AMAN telah mula beroperasi pada 27 September 2017 dan ditempatkan di Daerah Maritim Kuching, Wilayah Sarawak. Manakala kapal Kelas NGPC yang ke-3 dan juga ke-4 masih dalam proses pembinaan.

Seterusnya bagi perolehan 3 buah *Offshore Patrol Vessel* (OPV) (85 meter), pembinaan kapal masih lagi sedang berlangsung di Pelabuhan Klang dan dijangka akan siap pada tahun 2020. Mengikut perancangan, salah satu daripada 3 buah kapal tersebut akan ditempatkan di Wilayah Maritim Sarawak bagi melaksanakan operasi di sana.

Kesan daripada kedua-dua projek perolehan ini diharap dapat memperkasakan lagi keupayaan *Malaysia Coast Guard* dalam melaksanakan tanggungjawab menguatkuasa undang-undang dan cari lamat di Zon Maritim Malaysia.

Berdasarkan pelan perancangan Agensi, perolehan aset seperti *Landing Ship* belum menjadi keutamaan atau keperluan *Malaysia Coast Guard* memandang semua perolehan aset-aset baharu dilengkапkan dengan *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV) untuk tujuan tinjauan yang lebih efisien dan efektif. Secara amnya, konsep perancangan Agensi pada masa kini adalah menjurus kepada proses pengantian aset-aset sedia ada yang telah uzur dan lama seperti bot dan kapal-kapal ronda bersaiz sederhana serta aset udara.

Sekian, terima kasih.